



KUKUM

UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR 2006

“Menghayati Kecemerlangan, Membudayakan Kualiti”

Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin
Rektor


Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia

27 Januari 2006

Dewan Kapitol KUKUM



Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin
Rektor



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.
Saudara-saudara, staf dan mahasiswa KUKUM yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah s.w.t. yang berterusan memberi kita kesempurnaan akal, kebersihan jiwa, keseimbangan emosi dan kekuatan fizikal untuk terus mengabdikan diri di bumi-Nya yang penuh dengan cabaran, dugaan dan ketidakpastian. Semoga dengan apa jua kelebihan yang Allah kurniakan kepada kita dan kekurangan yang kita miliki, Allah akan terus mengasihi dan mengampuni kita.

Selawat dan salam kita panjangkan ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w., anggota keluarga, para sahabat dan seluruh umat baginda. Hanya dengan bimbingan dan panduan Rasulullah s.a.w. kita dapat membersihkan yang kotor, menjernihkan yang kabur dan membetulkan yang salah.

Di samping itu, rasanya belumlah terlambat lagi untuk saya mengucapkan selamat tahun baru 2006 kepada semua warga KUKUM. Semoga tahun ini akan menjadi tahun yang lebih bertuah kepada kita semua. Bagi staf yang baru pulang dari tanah suci Mekah, selamat pulang dan semoga Allah mengurnai saudara-saudara haji yang mabrur. Seterusnya, sukacita saya mengelu-elukan warga baru KUKUM yang mempunyai pelbagai latar belakang. Seperti staf-staf lain, warga baru kita diambil berkhidmat supaya dapat menyemai segala kebijaksanaan dan pengalaman yang ada demi memperkukuh dan memperkasa KUKUM di persada pendidikan negara. Harapan saya, semua staf sama ada yang baru atau yang lebih awal bergelar warga KUKUM dapat menghidupkan idea, kepakaran, tenaga dan upaya secara padu sehingga dapat menjulang nama KUKUM di arena antarabangsa.

MUKADIMAH

Alhamdulillah, ini merupakan kali keempat saya menyampaikan ucapan yang kita namai Ucaptama Tahunan Rektor. Melalui siri ucapan inilah saya, mewakili pihak pengurusan KUKUM, menyalurkan hasrat, cita-cita dan teguran kepada diri saya dan seluruh wargakeluarga KUKUM, staf yang saya hormati dan mahasiswa yang saya kasihi. Melalui medan inilah saya meletakkan harapan agar setiap kata dan bicara dapat dijadikan asas untuk kita bermuhasabah; tunduk merenung dan mengkritik diri, beriltizam atau komited untuk membetulkan setiap gerak yang silap dan salah, mensyukuri setiap langkah kejayaan, dan positif memandang setiap detik yang bakal dilalui pada masa hadapan.


Untuk pengetahuan warga baru, dan untuk menjadi asas muhasabah diri semua, saya mencadangkan agar tiga teks ucapnama yang lampau dibaca, diteliti dan cuba dihayati. Melalui wacana-wacana seumpama inilah KUKUM mula mencorakkan budayanya atas landasan nilai **ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan**, yang bersendikan ciri-ciri amalan bekerja yang positif iaitu **ketelusan, proaktif, cepat, tepat dan bekerja dengan semangat berpasukan**, di samping menerapkan kaedah tiga serangkai pendekatan pengurusan KUKUM iaitu **Pengurusan Secara Senyap, Pengurusan Berasaskan Kaunseling dan Pengurusan Secara Objektif**.

Dalam ucapnama tahun lalu, saya masih ingat, saya mengakhirkannya dengan beberapa nasihat yang menggalakkan semua staf supaya bersikap berhemah, berjimat cermat dalam penggunaan sumber dan harta benda dengan menjadikan Saidina Umar Abdul Aziz dengan lilin amanahnya sebagai model peranan; semua staf, sama ada tenaga akademik dan bukan akademik, perlu menjadi pendidik sejati; peringatan saya tentang konsep KUKUM sebagai wahana atau *vehicle* mencari dan mengaplikasikan ilmu oleh semua warganya, dan dalam masa yang sama menolak konsep KUKUM sebagai menara gading dalam erti kata yang eksklusif. Dalam ucapnama itu juga saya membuat beberapa 'cubitan' manja tentang sikap setengah-setengah staf KUKUM yang *deviant* atau terlencong daripada landasan ikrarnya sebagai staf yang berhemah dan beramanah. Menjadi harapan saya dan seluruh tenaga pengurusan agar kita semua masih ingat akan nilai-nilai yang sudah empat tahun disemai dan dibajai.

Saudara-saudari sekalian,

Kesengajaan mengenang kembali sedikit kandungan ucapnama yang lalu, lebih tepat lagi saya tujukan kepada warga yang semakin hari semakin lama setia berkampung di KUKUM. Kini, seperti yang saya sebut sebentar tadi, sudah hampir 48 bulan atau 208 minggu KUKUM beroperasi. Dalam jangka masa 1461 hari hayat kita berlalu memacu pantas entiti yang bernama KUKUM ini, di manakah kita sekarang? Bertambah berimankah kita, semakin meningkatkah kualiti kerja sebagai tanda keimanan? Sejauh manakah setiap usaha kita dalam proses melaksana tanggungjawab sebagai warga KUKUM menepati konsep 'amal saleh' seperti yang difirmankan Allah dalam surah al-'Asr. Dalam konteks ini, Ad-Dailami meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda, maksudnya: "Iman itu bukanlah angan-angan dan juga bukan perhiasan, tetapi iman itu ialah sesuatu yang menetap dalam hati, dan dibenarkan dengan amal."

Sebagai pengemudi utama bahtera KUKUM bersama-sama pasukan pengurusan yang saya akui telah 'masin' dibasahi air lautan pengalaman membina dan mencuba



memperkasa KUKUM, telah banyak konsep dan nilai murni yang diketengahkan untuk dijadikan amalan oleh kita semua. Antara konsep dan nilai yang paling kerap saya ketengahkan dalam tiga ucpatama yang lalu ialah konsep **perancangan** (lebih 155 kali) **cemerlang** (lebih 115 kali), **ilmu** dan **kemahiran** (lebih 103 kali), **berjamaah, berpasukan dan berunding** (lebih 96 kali), **ikhlas** (lebih 44 kali), **kualiti** (lebih 33 kali), **istiqamah** atau **konsisten** (lebih 23 kali).

Persoalannya sekarang, setakat manakah kita ingat akan nilai cemerlang yang diulang-ulangkan sebanyak 115 kali, yang bernaung di bawahnya konsep **cekap, terbaik, sebaiknya, sempurna, luar biasa, unggul, lengkap, canggih, hebat, out-standing**, dan **world class**? Dengan mengucapkan konsep dan nilai itu berulang-ulang kali sekerap mungkin, saya berharap tinggi agar konsep dan nilai itu kuat menerjah medan minda dan jaringan ingatan kita. Dengan takat ingatan kita kepadanya yang berbeda-beda, di manakah pula paras penghayatan kita terhadap konsep cemerlang yang didambakan itu? Jika benar kita telah menghayati konsep ini dalam perjalanan hidup sehari-hari, sekerap manakah pula penghayatan konsep cemerlang itu terjelma dalam tingkah laku, tindakan atau perbuatan kita, khususnya semasa melaksana kerja dan tanggungjawab?


Rakan-rakan se-KUKUM sekalian. Pertanyaan-pertanyaan saya hanyalah bersifat retorik yang tidak memerlukan jawapan yang semerta. Meskipun demikian, marilah kita bersama-sama, dengan rasa rendah diri dan tawaduk, merenung ke dalam diri; bermuhasabah. Mari kita bersama-sama bertanya kepada diri: "Di manakah takat ingatanku pada konsep cemerlang, di manakah paras penghayatanku terhadap kecemerlangan, dan sekerap manakah terjelmanya nilai kecemerlangan dalam tingkah laku diriku selama 35,064 jam atau lebih daripada 2.1 juta minit kehidupanku selama berada di KUKUM? Tanyailah diri sama ada: "Aku memang mempunyai ciri-ciri yang dinamai **cekap, terbaik, sebaiknya, sempurna, luar biasa, unggul, lengkap, canggih, hebat, out-standing**, dan **world class**?" Atau, mungkinkah kita tergolong dalam kategori yang di sebaliknya? Jika jawapan anda: "Ya, memang aku cemerlang," alhamdulillah. Tidak sia-sialah saya mengetengahkan nilai dan konsep ini sebanyak lebih daripada 115 kali dalam tiga ucpatama sebelum ini. Saudara-saudara yang berani mengatakan "ya" memang wajar menerima penghargaan dan imbuhan yang setimpal. Di suatu sudut yang lain pula, jika kita mengatakan, "Tidak, aku tidak ingat akan kata-kata itu; tidak menghayatinya; malah jauh daripada mengamalkannya," layakkah kita menggelar diri kita sebagai warga KUKUM yang menjadikan kecemerlangan sebagai satu daripada nilai terasnya?

Saudara-saudara, fahamilah bahawa saya tidak mengatakan bahawa saudara-saudara tidak cemerlang. Banyak kejayaan yang telah kita tempa bersama. Tetapi, jika benar kita tidak cemerlang, alangkah malangnya KUKUM, yang warganya menyanyikan lagu WAWASANKU setiap kali mengadakan upacara rasmi, termasuk sebentar tadi; yang saban hari menatap kepala surat KUKUM yang tercetak kata 'kecemerlangan'; dan yang memakai baju KUKUM yang kebanyakannya disulami kata 'kecemerlangan' pada bahagian hadapan atau belakangnya; atau mengenakan jaket berlambang KUKUM yang terkandung di dalamnya konsep 'kecemerlangan.' Marilah kita pada pagi yang penuh makna ini, mungkin buat julung-julung kalinya merenung ke dalam diri, mengkritik diri, dan bermuhasabah supaya jika ada sikap dan amalan kita yang tidak diredai Tuhan dapat diperbetul sementara masih ada masa untuk kita melakukannya. Ingatilah firman Allah, mafhumnya: **"Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya,"** (Surah As-Saff: ayat 3). Hayatilah hadis Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah suka melihat orang yang melakukan sesuatu pekerjaan yang dilaksananya dengan sempurna."

Berdasar pada mafhum surah dan pengertian hadis yang dipetik, jelaslah bahawa sesuatu nilai itu tidak cukup sekadar didengari sahaja. Makna dan pengertian sesuatu nilai perlu difahami oleh minda, diingati oleh akal dan dihayati oleh qalbu. Melalui kekuatan daya penghayatan yang ikhlas, barulah akan terbit perbuatan, tindakan, tingkah laku dan amalan yang dapat dilihat dan diukur. Nilai tidak banyak manfaatnya jika hanya terpancar dalam tingkah laku sekali-sekala. Nilai baik dan murni perlu dijadikan teras tingkah laku yang diamalkan secara berterusan. Hanya melalui amalan yang berterusan sesuatu nilai itu akan menjadi budaya. Dan budaya itu ialah *nizam al-hayat* atau cara hidup kita yang bakal dinilai oleh Tuhan apabila tiba masanya kelak. Wahai warga KUKUM sedar dan bangunlah, *walk the talk*. Marilah kita bersama-sama menjadikan firman Allah dan hadis Rasulullah sebagai 'pakaian' sehari-hari yang membaluti jaket rasmi KUKUM ketika melaksana apa jua kerja yang menjadi tanggungjawab kita.

Ketahuilah bahawa yang amat saya impikan daripada kalangan warga KUKUM ialah apabila orang bertanya, apakah konsep kerja bagi anda di KUKUM? Lantas kita menjawab:

"Kerja ialah ibadah. Kami sentiasa berkeyakinan bahawa Tuhan sentiasa melihat pergerakan kita walau di mana jua kita berada. Mungkin bos kita tidak nampak kita tidak melakukan kerja tetapi Tuhan nampak. Keadaan ini yang menjadikan kami sentiasa berusaha bersungguh-sungguh. Kerja itu pahala. Kehidupan kita tidak berakhir di dunia semata-mata tetapi yang lebih penting lagi ialah kehidupan di akhirat."



Jawaban yang diberikan ini sebenarnya ialah jawapan seorang staf Perbadanan Kemajuan Negeri Johor (PKENJ) dalam suatu kajian yang dibuat secara kualitatif. Dengan jawapan seumpama ini, tidak hairanlah PKENJ menerima World Executive Digest's 1991 Management Awards, di samping menjadi penerima pertama Anugerah Kualiti Perdana Menteri dalam tahun 1990.

Saya berasa amat positif, jika kita menghayati dan mengamalkan nilai ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan di samping nilai-nilai murni lain yang membina konsep itu, tidak sangsi lagi KUKUM bakal menjadi Universiti yang bertaraf dunia, malah mampu melampaui piawai, standard atau kualiti yang ditetapkan oleh universiti yang terbaik di dunia. Kita akan menjadi staf yang lebih baik dan mulia daripada staf yang berada dalam organisasi yang terbaik di dunia. Jika yang terbaik dikatakan cemerlang, kita di KUKUM akan menjadi lebih cemerlang kerana kecemerlangan kita bersendikan ilmu dan keikhlasan. Saidina Omar al-Khattab meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) pernah bersabda, maksudnya: "Sesungguhnya tidak dikira amalan kecuali dengan niat, dan tiap-tiap orang akan mendapat apa yang diniatkannya." Jika niat kita melakukan sesuatu adalah ikhlas kerana Allah, pastinya yang menunggu kita di hujung perjalanan ialah kecemerlangan atau *al-falah* seperti yang diulang-ulangkan sebanyak dua kali dalam azan yang dikumandangkan lima kali sehari semalam. Bilakah kita mahu menimba pengajaran daripada konsep azan yang kadang kala kita yang mengumandangkannya?


Saudara-saudara yang dikasihi sekalian.

Dalam usaha kita melaksana kerja dan tanggungjawab atau dalam konsep yang lebih luas beramal sebagai lambang keimanan kita, persoalan kualiti tidak dapat dipisahkan sama sekali. Wuduk yang tidak sempurna, misalnya mengakibatkan solat tidak diterima. Solat yang tiada tamakninah, mengakibatkan solat terbatal. Solat yang tidak mengikut tertib, tidak diterima Tuhan. Bagi saya, semua ini merupakan isu kualiti. Persoalan niat dan ketertiban (yang berkaitan dengan visyen, misyen, perancangan, strategi, objektif, sasaran, dasar, matlamat dan keikhlasan); penyempurnaan sesuatu kerja berdasarkan standard atau piawai yang ditetapkan, pelaksanaan kerja mengikut masa yang ditentukan, pelaksanaan kerja secara berjamaah (yang mencakupi konsep kepemimpinan, kepengikutan, saling hormat-menghormati, bekerjasama, bertoleransi, mesra, berunding, sinergi dan banyak lagi); istiqamah (yang berkait rapat dengan konsep dedikasi, rajin, berterusan, semangat yang tinggi, komited, bertungkus-lumus, sepenuh jiwa dan raga) ialah konsep yang berkait rapat dengan kualiti. Tanpa kualiti, sesuatu kerja dan amal barangkali tiada maknanya. Sebentar tadi saya ada memetik sabda Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah suka melihat orang yang melakukan

sesuatu pekerjaan yang dilaksanakannya dengan sempurna." Inilah tanda tuntutan yang menganjurkan supaya kita menjadi manusia yang berkualiti dan menghasilkan kerja yang berkualiti. Apalah maknanya kita bekerja jika kita tidak menghasilkan sesuatu yang berkualiti? Jika saya atau pihak pengurusan tidak suka akan kerja yang tiada kualiti, mungkin sebahagian daripada kita masih tidak berasa apa-apa. Tetapi, bagaimana jika Tuhan tidak menyukai atau menyayangi kita, lantaran tiadanya kualiti dalam cara hidup dan hasil kerja kita? Fikirkanlah hal ini sedalam-dalamnya.

Jika kita menerima definisi kualiti sebagai "*doing the right job, right, the first time,*" "penambahbaikan proses secara berterusan," "inovasi," "kecacatan sifar," "mencapai, malah melampaui tahap keperluan pelanggan atau pemegang taruh," "keberkesanan kos," tergambarlah nilai-nilai ini dalam hasil kerja kita? Dalam proses pengajaran, misalnya, sudahkah kita menyampaikan, memindahkan dan berkongsi pengetahuan, maklumat, teknik dan ilmu seperti yang diharapkan atau melampaui harapan industri dan negara yang menjadi sebahagian daripada pemegang taruh Universiti kita? Jika jawapan kita "ya" tentulah mahasiswa kita akan 'laris' di pasaran kerja sehinggakan banyak industri bakal datang 'melamar' mahasiswa kita sebelum sempat mereka menamatkan semester akhir. Bagi saya, inilah indikator standard kualiti siswazah KUKUM yang sebenar. Mereka terdiri daripada siswazah yang *knowledgable* dalam disiplin pengajian mereka, mahir menggunakan mesin dan peralatan yang digunakan di industri, tangkas mengurus sumber manusia, petah berbicara dalam bahasa Inggeris dan bahasa ibundanya, tangkas bertingkah melahirkan hubungan sesama manusia secara harmoni, berupaya membuat *presentation* yang berkesan, mengamalkan budaya kerja yang betul dan berdisiplin, menguntungkan syarikat, dan pelbagai indikator lain yang dapat menunjukkan bahawa mereka merupakan siswazah yang berkualiti. Saya, secara peribadi mahu mendengar majikan mengatakan, "*I have no regrets taking your students. I want more of them. We are really in need of graduates of this quality.*" Dan saya pula akan menjawab, "*You have to wait for another year. Wait until another batch graduates.*" Sudahkah kita mencapai tahap kualiti yang diharapkan ini? Harapan ini dapat kita capai jika semua staf telah melaksana tanggungjawab masing-masing dengan sebaik dan sesempurna mungkin.

Pada kali ini saya terasa berucap seperti membaca khutbah Jumaat yang diselenggarakan dengan surah al-Quran dan hadis Rasulullah (s.a.w.). Mungkin ada dalam kalangan kita yang mengatakan bahawa cukuplah khutbah Jumaat sahaja yang mencuba mendidik umat dalam retorik yang begini. Tetapi, persoalannya ialah sudah berapa khutbah Jumaatkah yang telah kita dengari, lantas kita mengubah sikap? Ini bukan persoalan 'biasa terdengar' atau 'telah selalu didengari,' tetapi manusia zaman ini



berhadapan dengan persoalan sebanyak mana yang 'biasa' atau 'selalu didengari' itu dijadikan pengajaran untuk merobah sikap, memperbetul dan memperbanyak amal, sejajar dengan timbunan ilmu dan maklumat yang didengari.

Saudara-saudara dan mahasiswa yang saya kasihi. Dalam kesempatan yang ringkas ini, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan tekad dan keazaman untuk memperbaiki tingkah diri dengan menghayati kecemerlangan dan membudayakan kualiti; menjadikan kualiti sebagai cara hidup dan cara bekerja demi KUKUM yang tercinta dan masa depan yang sejahtera. Seterusnya, saudara-saudara sekalian, berbekalkan cahaya kecemerlangan dan kilauan kerdipan kualiti marilah kita meninjau sejenak kedudukan kita di persada akademik dan pengantarabangsaan sekarang ini.

AKADEMIK & PENGANTARABANGSAAN

KUKUM kini mempunyai lebih daripada 2,000 orang mahasiswa yang mendaftar dalam 12 program akademik peringkat Sarjana Muda dan Sarjana. Pada bulan Jun ini, bilangan program akademik peringkat Sarjana Muda kita akan meningkat kepada 15. Setelah berhempas pulas membangunkan kurikulum, kita berjaya mendapat kelulusan untuk menawarkan tiga lagi program akademik baru peringkat Sarjana Muda iaitu Kejuruteraan Bioproses, Kejuruteraan Alam Sekitar, dan Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan. Kita akan menawarkan enam program akademik peringkat Diploma mulai Jun tahun ini juga. Ini bermakna dalam beberapa bulan lagi kita akan mempunyai 21 program akademik peringkat Sarjana Muda dan Diploma yang ditawarkan melalui lapan pusat pengajian.

Sejajar dengan pertambahan bilangan program akademik dan pusat pengajian, bilangan staf kita turut bertambah juga. Kini, KUKUM mempunyai sekitar 730 orang staf yang terdiri daripada sekitar 220 orang staf akademik, dan selebihnya staf bukan-akademik. Suka saya maklumkan bahawa hampir setengah daripada bilangan staf Universiti ini terdiri daripada rakyat negeri Perlis. Asalkan anak Perlis dapat menunjukkan kemampuan dan potensi untuk turut menyumbang secara agresif dan progresif dalam pembangunan, KUKUM sentiasa berlapang dada memberikan peluang yang seluas-luasnya kepada mereka. Langkah ini jelas menunjukkan bahawa, selain membangunkan khazanah modal insan negara dalam bidang kejuruteraan, yang seterusnya memberikan input kepada pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Malaysia, KUKUM tidak lupa akan tanggungjawabnya menyumbang kepada peningkatan sektor sosioekonomi Negeri Perlis yang disayangi ini. Saya yakin tidak banyak universiti di negara ini yang tinggi keprihatinannya terhadap usaha mengambil warga setempat untuk bersama-sama

menjayakan peranan dan fungsinya.


Namun demikian, pengambilan anak tempatan tidak sedikitpun menjejaskan pengambilan staf antarabangsa. Menjadi dasar KUKUM mengambil sebanyak 20% staf akademik dari luar negara untuk meningkatkan daya saingnya. Buat masa ini, kita mempunyai sebanyak 23 orang staf antarabangsa yang didatangkan dari Indonesia, India, United Kingdom, Bangladesh, Myanmar dan Australia. Selain pensyarah, kita mempunyai juga beberapa orang mahasiswa ijazah tinggi dari luar negara. Pengambilan mahasiswa antarabangsa, pada dasarnya, bertujuan mengisi agenda pengantarabangsaan Universiti supaya dapat mempelbagaikan dan memperkayakan pengalaman pembelajaran mahasiswa di samping pengalaman akademik dan penyelidikan stafnya.

Sekiranya ditanya mengapa perlu mengantarabangsakan diri kita ini, jawapannya tersirat dalam identiti kita sebagai universiti. Dalam satu sesi senamrobik tidak lama dahulu, telah saya jelaskan bahawa perkataan 'universiti' itu bererti organisasi yang 'universal', iaitu sejagat. Yang dimaksudkan sejagat itu ialah ilmu. Tidak kira dari mana asalnya dan siapa penerajunya, amalan dan pengembangan ilmu mestilah sejagat. Kesejagatan ilmu mengkehendaki kita memikirkan semua aspek perjalanan universiti dalam konteks yang sejagat juga. Di KUKUM, kita telah memulakan agenda pengantarabangsaan sejak kita mula ditubuhkan. Namun begitu, dengan kemasukan portfolio 'pengantarabangsaan' secara rasmi dalam bidang tugas Timbalan Rektor, maka agenda pengantarabangsaan mendapat nafas baru.

Dengan adanya staf dan mahasiswa antarabangsa dalam kalangan kita, minda kita yang mungkin sempit dapat dibuka dengan seluas-luasnya. Kita berpeluang belajar daripada orang-orang yang mempunyai pengalaman yang jauh berbeza daripada apa yang biasa kita lalui. Dengan pertemuan minda sebegini, pastinya banyak idea baru bakal tercetus. Walau bagaimanapun, semua ini tidak akan terjadi selagi kita tidak secara sedar membuka minda untuk memanfaatkan peluang ini. Warga KUKUM, baik mahasiswa mahupun staf, baik warga setempat mahupun antarabangsa haruslah tampil ke hadapan dan berinteraksi secara terbuka dan meneroka apa jua kemungkinan tersirat yang mungkin dapat diraih daripada proses berinteraksi dengan warga antarabangsa.

Saudara-saudara warga KUKUM sekalian.

Agak sukar untuk kita menafikan bahawa kita sudah agak jauh ke hadapan dalam bidang akademik dan pengantarabangsaan. Kita sudah wajar berbangga dengan



pencapaian ini. Namun begitu, dunia tidak statik; sebaliknya amat dinamik. Walau sepantas manapun kita bergerak, dunia di luar sempadan kita semakin galak mencabar dari pelbagai arah dan kepantasan. Satu daripada cabaran yang tidak dapat kita elakkan ialah proses akreditasi oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (atau EAC) bagi dua program akademik sulung kita, dan eksersais penarafan universiti oleh Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi.

Suka saya maklumkan bahawa persediaan untuk mendepani proses akreditasi sudah bermula sejak tiga tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, ia menjadi lebih rancak beberapa bulan yang lalu. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam proses penyediaan pelbagai dokumen yang diperlukan. Saya tahu semua staf yang terlibat telah bekerja bertungkus-lumus - pagi, petang dan malam - mengorbankan hujung minggu yang sewajarnya dikongsi dengan keluarga semata-mata untuk memastikan segala dokumen dan rekod yang berkaitan adalah kemas dan teratur. Walaupun laporan sendiri Universiti sudahpun diserahkan kepada EAC, namun begitu, proses akreditasi yang sebenar masih belum berakhir. Pasukan audit dari Lembaga Jurutera Malaysia dan beberapa badan lain yang berkaitan akan datang ke KUKUM sekitar bulan April atau Mei 2006 untuk melihat sendiri kebenaran maklumat yang dinyatakan dalam laporan sendiri tersebut. Sementara menanti datangnya pasukan audit EAC, terlalu banyak perkara lain yang perlu dibereskan. Antaranya termasuklah usaha memastikan sistem akademik KUKUM mengambil kira keperluan kaedah pendidikan masa kini iaitu *outcome-based education* atau OBE. Dalam kerangka kaedah ini, staf akademik dan mahasiswa perlu bersama-sama memastikan agar beberapa kompetensi yang ditentukan, benar-benar dapat diterapkan oleh pensyarah dan dalam masa yang sama dapat dikuasai dengan sewajarnya oleh mahasiswa. Meskipun kaedah OBE telah diterapkan semasa kurikulum program akademik KUKUM digubal pada peringkat awal, namun ia masih belum begitu eksplisit dan jelas daripada segi pelaksanaan dan pemantauannya. Aspek inilah yang perlu dimantapkan, selain daripada kandungan kurikulum itu sendiri. Oleh sebab itu, tugas pasukan akademik, yang diketuai sendiri oleh Timbalan Rektor Akademik & Pengantarabangsaan, iaitu Y.Bhg Profesor Dr. Ali Yeon, masih jauh dari garisan penamatnya.


Selain daripada usaha memperoleh akreditasi daripada EAC, isu penarafan universiti semakin hangat diperkatakan. Walau apapun pandangan dan pendapat peribadi kita tentang isu penarafan universiti, KUKUM akan mendepaninya tidak berapa lama lagi sebaik sahaja kohort pertama mahasiswa kita bergraduasi. Saya pasti kebanyakan saudara terkejut dengan kontroversi UM dan USM yang terkeluar daripada senarai 200 buah universiti terulung di dunia. Buat masa ini, KUKUM masih boleh duduk di

tepi arena perdebatan, lantaran usianya yang terlalu muda. Namun begitu, mulai tahun 2006 ini kita akan menyaksi penyertaan KUKUM dalam gelanggang penarafan IPT. Kerajaan memandang serius isu penarafan dan kualiti IPT, dan telah mengarahkan supaya suatu instrumen yang dapat mengukur kedudukan IPT dibangunkan oleh Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi. Dilapor bahawa instrumen tersebut telah siap, dan KUKUM akan mengambil bahagian dalam eksersais penarafan yang dimaksudkan dalam tahun ini juga. Selepas ini, masyarakat umum akan mengetahui kedudukan kita dan akan mula membandingkan taraf kita dengan universiti dan institusi pengajian tinggi yang lain di Malaysia. Sudah tentu keputusan eksersais penarafan ini akan mempengaruhi banyak perkara, misalnya kedudukan KUKUM dalam senarai pilihan calon mahasiswa dan bakal staf cemerlang yang berada di merata tempat; kedudukan KUKUM dalam penerimaan geran penyelidikan; dan banyak lagi. Lantaran, perkara ini sewajarnya mendapat perhatian dan diberi keutamaan oleh kita semua.

Walau bagaimanapun, ingin saya memperingatkan semua warga Universiti ini, khususnya staf akademik yang akan secara langsung mendepani cabaran pengauditan oleh pihak luar, kita tidak seharusnya terlalu terbawa-bawa dengan keperluan dan kehendak audit, sehinggakan kepentingan mahasiswa kita terabai. Saya pernah melihat dalam kalangan anggota keluarga setengah-setengah universiti menjadi terlalu taksab dengan eksersais audit, sehinggakan mereka lupa bahawa pada asalnya, eksersais audit diwujudkan semata-mata untuk memastikan bahawa kepentingan akademik mahasiswa dipelihara. Oleh sebab proses persediaan dan pelaksanaan audit ini amat kompleks dan melibatkan beberapa banyak sumber manusia dan bidang pekerjaan di dalam kampus, ada kalanya proses yang kompleks ini dapat mengaburkan pandangan kita tentang tujuan sebenar kita beroperasi. Lantaran, sukacita saya menasihati semua dekan dan staf akademik agar menilai kembali kesemua tindakan yang telah diaturkan dan diambil semata-mata kerana mahu menepati kehendak audit, supaya kembali mengutamakan mahasiswa kita, bukannya pasukan yang datang untuk mengaudit kita.

Saudara-saudara sekalian.

Sebentar tadi saya ada menyentuh perihal staf antarabangsa yang berada dalam kalangan kita. Sekiranya kita mahu KUKUM benar-benar berstatus antarabangsa, maka ukuran yang wajar kita gunakan bukanlah jumlah bilangan staf antarabangsa semata-mata. Jumlah bilangan mahasiswa antarabangsa juga perlu dijadikan petunjuk. Walaupun kita kini sudah mempunyai mahasiswa antarabangsa, namun bilangannya masih terlalu kecil. Oleh sebab itu, saya ingin menyeru semua pensyarah agar sentiasa mencari peluang merekrut mahasiswa antarabangsa untuk mengikuti kursus pengajian



tinggi mereka di sini. KUKUM sudahpun mempunyai beberapa skim sokongan kewangan yang mungkin dapat memudahkan proses ini, lebih-lebih lagi bagi calon mahasiswa antarabangsa yang berkecayaan tetapi kurang berkeupayaan melanjutkan pelajaran di Malaysia. Satu daripada cara menarik minat mahasiswa antarabangsa ialah melalui Program Pertukaran Mahasiswa Prasiswazah. Kita sudahpun menjalinkan hubungan dengan Tampere University of Technology di Finland. Tiga orang mahasiswa Tahun 3 telah dipilih untuk menyertai program ini. Kita juga akan menerima beberapa orang tetamu yang terdiri daripada mahasiswa dari Finland tidak lama lagi. Saya percaya, dengan kerjasama staf dan mahasiswa antarabangsa KUKUM, bukan sahaja bidang penyelidikan baru dapat diteroka, tetapi ikatan baru dengan rakan-rakan akademik dari luar pasti dapat dijalinan.

Pengantarabangsaan juga bermakna menganjurkan pertemuan-pertemuan ilmiah dengan warga antarabangsa. Selain daripada melebarkan sempadan intelektual, pertemuan ilmiah kerap kali membawa kepada program-program usahasama dalam pelbagai bentuk dan rupa. Alhamdulillah, pada tahun lepas kita amat aktif menganjurkan persidangan dan seminar bertaraf antarabangsa, termasuk Conference on Electronic Design (NCED 2005) anjuran Pusat Pengajian Komputer & Perhubungan, Conference on Essential Oils, Fragrance & Flavour Materials (MICEOFF4) 2005, anjuran bersama KUKUM dengan Kerajaan Negeri Perlis dan First Chemical Malaysia, dan Conference on Artificial Life & Robotics anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Kita juga telah menganjurkan wacana-wacana ilmu pada peringkat kebangsaan, termasuk Seminar Kursus-kursus Sokongan Kejuruteraan anjuran Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK).

Pada tahun ini, saya difahamkan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik akan sekali lagi menganjurkan persidangan antarabangsa iaitu International Conference on Human Machine Systems 2006 (ICOMMS 2006) pada 11-12 September 2006. Syabas saya ucapkan kepada Dekan dan warga Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik yang nampaknya begitu aktif merealisasikan sebahagian agenda akademik dan pengantarabangsaan Universiti. Saya juga difahamkan bahawa persidangan antarabangsa mengenai kajian atmosfera kini sedang dirancang untuk dianjurkan pada tahun ini atau tahun hadapan. Dalam kesempatan ini saya meminta agar dekan semua pusat pengajian memikirkan dan membuat perancangan yang sewajarnya untuk mengadakan persidangan atau seminar ilmiah, khususnya yang bertaraf antarabangsa dalam masa terdekat ini.


Saudara-saudara yang disayangi sekalian.

Tahun 2005 telah menyaksikan kejayaan kita menempa nama dalam kotak ingatan pelbagai industri. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, satu daripada cara untuk mengukur penerimaan industri terhadap KUKUM adalah dengan melihat kesediaan mereka mengambil mahasiswa kita menjalani latihan selama sekurang-kurangnya empat bulan di industri. Kelompok mahasiswa kita yang sulung sebanyak lebih daripada 100 orang telah ditempatkan dengan jayanya pada tahun 2004, dan pada tahun 2005 pula, sebanyak lebih daripada 600 orang mahasiswa berjaya ditempatkan di industri. Syabas saya ucapkan kepada Pusat Kerjasama Industri dan anggota 'A Team'-nya yang telah menjalankan aktiviti *outreach* yang begitu agresif sehingga membuahkannya kejayaan ini. Syabas juga saya kalungkan kepada dekan, timbalan dekan, pengerusi rancangan dan semua pensyarah yang bersama-sama membantu menjayakan program ini. Inilah suatu contoh kerja berpasukan yang amat baik yang sering saya anjurkan.

Mahasiswa kita bukan setakat diterima masuk, malah kehadiran mereka di industri telah meninggalkan kesan yang nampaknya amat memberangsangkan. Saya telah menerima maklum balas bahawa rata-rata pihak industri mengatakan bahawa mahasiswa KUKUM tidak kekok apabila berhadapan dengan mesin dan peralatan di lantai bengkel. Kekuatan ini tidak syak lagi berpunca daripada kekuatan kurikulum yang dilalui mereka, yang menitikberatkan aspek praktikal sejak dari tahun pertama mereka berada di sini.

Namun begitu, janganlah pula kita leka dengan pujian yang diterima. Saya masih mendapat maklum balas dari semasa ke semasa tentang beberapa orang mahasiswa yang masih kurang fasih berkomunikasi dalam bahasa Inggeris walaupun mereka tiada masalah apabila berhadapan dengan mesin dan peralatan semasa di industri. Apabila menerima teguran seumpama ini, kita perlu memikirkan cara dan kaedah yang dapat meningkatkan kefasihan kesemua mahasiswa KUKUM. Saya tidak mahu berfikir sendirian. Saya mengajak semua warga KUKUM, staf dan juga mahasiswa, untuk bersama-sama memikirkan dan merangkakan program-program yang dapat membantu. Saya tahu banyak pihak sudahpun melaksana pelbagai program yang berkaitan, namun saya berpendapat bahawa masih banyak lagi yang wajar dilakukan. Saya tidak mahu mahasiswa KUKUM, walau segelintir, tercibir kerana kelemahan dalam aspek berkomunikasi.

Saudara-saudara sekalian, pihak industri sebenarnya benar-benar terpesona dengan sistem akademik kita, dan mereka tidak sabar-sabar hendak 'mencuba' jurutera



lepasan KUKUM untuk bekerja bersama mereka. Lihatlah penglibatan mereka yang amat aktif di Universiti ini. Misalnya, syarikat Intel telah mengunjungi kita beberapa kali sejak kebelakangan ini, walaupun tanpa kita undang mereka secara khusus. Mereka yakin pendekatan pengajaran-pembelajaran kita yang bersepadu dapat menghasilkan graduan yang memenuhi kehendak mereka dan keperluan semasa. Dalam Hari Kerjaya KUKUM yang pertama baru-baru ini, enam buah syarikat industri telah turut serta. Bilangan ini adalah tinggi memandangkan kita tidak ada *track record* langsung yang wajar dijadikan sandaran oleh mereka.

Berdasarkan perkembangan ini, saya dapat merasakan bahawa laluan mahasiswa kita amat baik sekali. Oleh sebab itu saya sekali-kali tidak mahu pihak industri berfikir dua kali sebelum mengambil mahasiswa kita sebagai pekerja, lantaran terdapatnya segelintir mahasiswa yang mungkin kurang mahir berkomunikasi. Berlatarbelakangkan senario seumpama inilah, rasanya tidak keterlaluan jika saya meminta semua pihak mengambil serius perkara ini, dan melakukan segala-galanya yang termampu untuk membantu mahasiswa kita, baik dalam aspek komunikasi, mahupun aspek-aspek lain, terutamanya aspek akademik dan pembinaan sahsiah.


Pada tahap ini sewajarnya kita telah faham bahawa untuk melahirkan siswazah yang berkualiti, apatah lagi pada tahap kualiti yang saya harapkan, proses yang terlibat untuk menghasilkannya perlu sentiasa diperbaiki secara berterusan. Kita perlu ada budaya *kaizen* seperti yang dilontarkan oleh Masaaki Imai dalam bukunya yang membincangkan perihal *continous improvement*. Tiada ruang bagi kita untuk berehat dan berpuas hati dengan apa yang ada. Lantaran, saya berharap (malah jika tuan-tuan mahu menggunakan kata merayu, silakan) agar sistem Rakan Pendamping Siswa (RPS) dilaksana secara lebih berkualiti: berdampinglah dengan mahasiswa dengan lebih rapatnya; fahami masalah mereka; bersikap empatilah pada mereka; bantu mereka sehingga mencapai tahap akademik yang membanggakan; nasihatilah mereka dalam aspek akademik, termasuk dalam aspek pemilihan subjek pada setiap semester secara bersungguh-sungguh dan berterusan; disiplinkan mereka; menangi hati mereka; jadikanlah model peranan kepada mereka; didik mereka; masukkan adab ke dalam jiwa dan minda mereka, gunakan teknik-teknik kaunseling supaya tingkah laku mereka berubah daripada tidak berkeyakinan menjadi yakin diri, yakin boleh; dan daripada tidak kompeten menjadi kompeten. Pada hakikatnya, inilah tanggungjawab kita sebagai pendidik. Seperti yang saya sebut pada tahun sebelum ini, bahawa semua warga kerja KUKUM ialah pendidik, pembimbing dan fasilitator kepada mahasiswa kita. Oleh sebab itu, tanggungjawab dan amal besar ini sewajarnya dilakukan oleh semua staf KUKUM: pengawal keselamatan, pemandu, Rektor, Timbalan-timbalan Rektor, pensyarah, Pendaftar, penolong-penolong

pendaftar, guru, pegawai sukan, pegawai kebudayaan, pekerja am rendah; malah semua yang mengaku dirinya sebagai warga KUKUM tanpa mengira jawatan, gred atau peringkat pengurusan.

Menyebut tentang membantu mahasiswa dalam aspek akademik, saya rasa tidak keterlaluan sekiranya saya menegur staf akademik yang kurang mengambil berat tentang pembangunan akademik dan sahsiah mahasiswa. Sudah berkali-kali saya tekankan tentang peri pentingnya mahasiswa kita diberi perhatian dan jagaan yang sempurna. Kita ada Sistem Penasihat Akademik, kita juga ada Sistem Rakan Pendamping Siswa, dan kita sentiasa menganjurkan program-program akademik dan sosial dari semasa ke semasa bagi menjana ruang harmoni untuk mahasiswa dan staf akademik berinteraksi dengan lebih dekat lagi, selain di dalam bilik kuliah dan makmal. Sekiranya ruang-ruang ini benar-benar dimanfaatkan, saya kira buat masa ini sudah tiada jurang antara staf akademik dan mahasiswa, dan ketiadaan jurang tersebut sewajarnya tercermin dalam bentuk prestasi akademik mahasiswa. Namun, saya sedar bahawa keadaan ideal seumpama itu masih belum dapat kita realisasikan. Saya sentiasa khawatir tentang adanya beberapa orang staf akademik yang hanya memberikan tumpuan kepada tugas menyampaikan kuliah dan melaksana aktiviti pembelajaran di makmal semata-mata, tanpa menghiraukan reaksi mahasiswa terhadap pelaksanaan kuliah dan makmal yang dikendali mereka.

Seperkara lagi yang jauh lebih serius ialah amalan penetapan standard yang dikenakan kepada mahasiswa. Kadang-kadang, mungkin oleh sebab dipengaruhi umur dan pengalaman pembelajaran pensyarah, saya perhatikan keupayaan mahasiswa tidak dinilai daripada perspektif yang sewajarnya. Mungkin kerana tahap pencapaian pensyarah dalam bidang akademik yang tinggi, ada dalam kalangan pensyarah kita meletakkan suatu standard bahawa mahasiswa juga perlu menguasai ilmu pada tahap yang sama tinggi dengan pencapaian mereka. Sedangkan, pada hakikatnya, terdapat mahasiswa yang masih belum dapat mencapai tahap yang diharapkan kerana pengalaman akademik mereka masih terbatas berbanding pengalaman akademik pensyarah.

Oleh sebab itu, sekiranya kita tidak meletakkan hakikat penguasaan ilmu mahasiswa pada tempatnya yang realistik, saya khawatir akan terdapat segelintir mahasiswa yang mungkin tercicir. Kita perlu faham bahawa bukan semua mahasiswa dapat menguasai ilmu pada kadar kepantasan yang sama. Masing-masing kita dianugerahi Tuhan keupayaan untuk memahami ilmu pengetahuan dengan cara yang berbeda. Ada setengah-setengah antara kita yang cepat mencerpah dan dapat menghayati ilmu tanpa



bersusah payah. Tetapi jangan pula kita lupa bahawa tidak kurang juga antara kita yang memerlukan masa yang lebih panjang dan bimbingan yang lebih kerap sebelum sesuatu topik yang dipelajari dapat difahami. Justeru, sukacita saya menasihati setiap staf akademik supaya memastikan ilmu disampaikan kepada mahasiswa dengan mengambil kira tahap keupayaan mahasiswa yang berbeda-beda.

Sehubungan dengan perkara penting ini, saya sering mengingatkan para dekan, pensyarah dan PLV yang saya temui dari semasa ke semasa supaya sentiasa membuat analisis pencapaian akademik mahasiswa melalui kerja kursus dan ujian-ujian yang dijalankan sepanjang semester. Janganlah hendaknya prestasi mahasiswa hanya diketahui hanya pada penghujung semester semasa markah kerja kursus diminta oleh Unit Pengurusan Akademik. Secara menyeluruh, kita perlu insaf bahawa sekiranya markah yang diperoleh mahasiswa tidak baik, mungkin berpunca daripada kaedah penyampaian pengajar atau gurunya tidak mantap. Justeru, saya menyeru supaya semua pensyarah dan PLV mempertingkatkan keupayaan dan ketrampilan diri masing-masing agar proses membantu mahasiswa menimba ilmu dapat dilaksana dengan lebih berkesan lagi. Dalam konteks ini, saya yakin prestasi mahasiswa merupakan indikator yang amat berguna untuk dijadikan asas penilaian keupayaan pensyarah dan PLV melaksana tugas pengajaran.

Saban semester saya tidak sabar menanti ketibaan Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti dijalankan. Lazimnya, dalam mesyuarat itu saya dapati bahawa mahasiswa yang mendapat markah yang tinggi bagi kerja makmal dan kerja kursus, juga mendapat markah tinggi dalam peperiksaan akhir semester. Fenomenon ini, pada saya, dapat menggambarkan betapa benarnya falsafah yang mendasari rekabentuk program akademik dan kaedah pengajaran-pembelajaran yang kita amalkan di Universiti ini. Kita percaya dengan pendekatan *practical-oriented*. Dengan cara ini mahasiswa lebih mudah memahami maklumat dan pengetahuan yang terkandung dalam sesuatu topik. Pendekatan ini sejajar dengan kata-kata pujangga Cina purba, *"I see and I forget; I hear and I remember; I do and I understand."* Aristotle, cendekiawan purba lebih 2000 tahun yang lampau, pernah mengatakan, *"Absorbing knowledge intellectually is not enough. If you are going to really understand and use it, knowledge must be worked into the living texture of the mind through practice and application."*


Secara logiknya, sekiranya mahasiswa mendapat markah yang tinggi dalam kerja kursus, yang merangkumi terutamanya kerja makmal, maka markah yang sepatutnya dicapai dalam peperiksaan teori yang dijalankan pada hujung semester, jika faktor-faktor lain tidak berubah, sewajarnya tinggi juga. Jika perkara yang sebaliknya pula berlaku, maka tentunya ada yang tidak kena dalam proses pengajaran-pembelajaran yang

diamalkan. Mungkin pengisian makmal tidak selari dengan pengisian teori, atau mungkin pengisian makmal terlalu mudah berbanding dengan pengisian peperiksaan akhir yang mungkin terlalu sukar, atau mungkin juga cara penyampaian di dalam makmal tidak membantu mahasiswa memahami teori dengan lebih baik lagi, atau mungkin ada sebab-sebab lain yang menyumbang. Saya mengarahkan dekan-dekan dan semua staf akademik membuat muhasabah diri secara berterusan untuk memikirkan jalan supaya fenomena 'tiada kesinambungan' atau *disconnect* ini dapat dielakkan.

Saya berharap semua warga KUKUM faham, bahawa arahan saya ini tidak dikeluarkan tanpa memikirkan infrastruktur yang dapat menyokong pencapaian objektif yang dicita-citakan. Pihak Universiti telah sekian lama mempunyai Unit Pengajaran & Pembelajaran (UPP) yang diamanahi menawarkan pelbagai siri bengkel yang seharusnya meningkatkan pencapaian akademik mahasiswa. Syabas saya ucapkan kepada unit ini yang telah menganjurkan 13 bengkel, kursus dan seminar sepanjang tahun 2005, termasuk Kursus Asas Pengajaran-Pembelajaran, Bengkel Pengajaran Mikro, Bengkel Penulisan Modul Pengajaran, dan banyak lagi. UPP juga, melalui penyelarasnya, begitu aktif membantu Universiti meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan staf dan mahasiswa melalui sesi rasmi dan tidak rasmi, termasuk melalui pelantar *blog*-nya yang terdapat di portal KUKUM.

Saudara-saudara yang dihormati sekalian.

Pada awal ucapnama ini saya ada menyebut tentang peri pentingnya aspek kualiti yang seharusnya mendasari segala perbuatan dan gerak-geri kita. Satu daripada cara untuk menerapkan kualiti secara berstruktur dalam proses-proses kerja ialah melalui instrumen yang tidak asing lagi, iaitu Sistem Kualiti ISO 9000. Insya-Allah pada tahun ini kita akan memulakan usaha membangunkan sistem kualiti tersebut, yang menjadi standard minimum pengurusan beberapa banyak organisasi tersohor di seluruh dunia. Selain memenuhi sebahagian daripada agenda pengantarabangsaan, dengan melaksana sistem ISO 9000 diharapkan pemegang taruh KUKUM, termasuk kita sendiri, akan mempunyai keyakinan tinggi terhadap tahap pengurusan yang kita amalkan. Oleh sebab urusan utama kita ialah akademik, maka kita akan mula melaksana sistem ini pada proses-proses akademik terlebih dulu. Saya berasa yakin dengan pelbagai persediaan yang telah dibuat dan berbekalkan pengalaman yang dilalui untuk mendapatkan pengiktirafan EAC, persediaan untuk mencapai tahap ISO 9000 akan menghadapi jalan yang lebih mudah. Sebaik sahaja proses dan sistem akademik kita tampak mantap, kita akan mula meng-ISO-kan proses-proses Universiti yang lain seperti penyelidikan, HEP, Perpustakaan dan lain-lain lagi.



Pelaksanaan ISO 9000 memerlukan komitmen semua staf KUKUM, terutamanya pada peringkat penyelenggaraan sistem, selain daripada peringkat perancangan dan pembangunan sistem. Sistem ISO 9000 akan mewajibkan kita semua melaksana apa jua yang kita katakan wajar kita lakukan dalam sesuatu proses. Di sinilah letaknya kekuatan ISO 9000, iaitu terdapatnya mekanisma yang dapat menjamin bahawa apa jua yang kita janjikan benar-benar dapat dikotakan. Sekiranya kita tidak patuh kepada janji itu, maka semasa proses audit, ketidakpatuhan itu akan didedahkan. Akibatnya, kita mungkin dikategorikan sebagai organisasi yang gagal dalam audit tersebut.

Namun begitu, seperti yang saya katakan sebelum ini tentang persiapan audit EAC tadi, kita tidak seharusnya terlalu terbawa-bawa dengan apa yang saya sebut sebagai *paper chase* iaitu mengejar sekeping sijil yang tertera di atasnya bahawa kita sudah mendapat pengiktirafan daripada EAC atau pengiktirafan daripada SIRIM untuk ISO 9000. Matlamat mencapai kecemerlangan kualiti perlulah benar-benar ikhlas, iaitu tanpa memikirkan ganjaran yang akan kita dapat dalam bentuk sijil, pengiktirafan, dan pujian daripada orang lain. Kita memenuhi keperluan EAC bukan kerana terpaksa, tetapi kerana kita percaya bahawa dengan memenuhi keperluan EAC, adalah lebih mudah untuk kita menjana jurutera mahir yang dapat memberikan sumbangan dengan baiknya untuk kepentingan masyarakat, negara dan dunia. Kita hendak mematuhi keperluan ISO 9000 bukan kerana kita terkejar-kejar akan sijil dan pengiktirafan yang bakal diterima, tetapi kerana telah terbukti di merata dunia selama hampir 20 tahun bahawa ISO 9000 dapat membantu melicinkan pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi sekiranya sistem ini dirancang dan dilaksanakan dengan baiknya. Janganlah sekali-kali kita lupa akan niat asal kita ini.

PENYELIDIKAN & INOVASI

Saudara-saudara sekalian.


Setelah hampir 4 tahun beroperasi, Kerajaan kini telah meluluskan pelantikan seorang lagi Timbalan Rektor untuk Universiti ini, iaitu Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi. Saya gembira kerana YB Menteri Pengajian Tinggi telah bersetuju memilih calon bagi jawatan yang amat penting ini daripada kalangan warga KUKUM sendiri, yang telah bersama-sama membangunkan Universiti ini sejak mula-mula ditubuhkan dalam tahun 2002. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Profesor Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, yang terpilih untuk menjadi Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi) yang pertama bagi KUKUM. Saya percaya, dengan pelantikan Dr. Zul Azhar, pembangunan penyelidikan yang selama ini dipimpin dengan

jayanya oleh Profesor Ali Yeon, akan dapat dimantapkan lagi. Saya juga menyeru agar semua warga KUKUM, khasnya staf yang bekerja secara langsung di bawah seliaan dan pimpinan Dr. Zul Azhar, memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada beliau. Agenda penyelidikan dan inovasi ialah agenda Universiti. Kejayaan agenda ini akan menjulang nama KUKUM pada mata dunia, dan manfaatnya akan diraih bukan sahaja oleh mahasiswa, masyarakat dan negara, malah oleh setiap seorang daripada kita yang berada di dalam dewan ini. Lantaran, menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan agenda penyelidikan & inovasi KUKUM direalisasikan dengan jayanya.

Saya ingin meninjau sejenak kedudukan penyelidikan kita masa kini. Tetapi sebelum itu, saya ingin menekankan peri pentingnya kefahaman kita terhadap mengapa kita hendak menjalankan kerja penyelidikan. Kita menganggap penyelidikan amat penting kerana kita sedar bahawa tanpa penyelidikan, lebih-lebih lagi penyelidikan yang dijalankan oleh setiap individu ahli akademik, penyampaian ilmu kepada mahasiswa akan terasa kelonggarannya; tiada pengisian yang kental. Tanpa penyelidikan, sesebuah universiti tiada bedanya dengan sekolah menengah, dan pensyarah tiada bedanya dengan guru sekolah tersebut. Fahamilah bahawa penyelidikan ialah teras dan pemantap agenda akademik kita. Dengan penyelidikan yang kukuh, kita sebenarnya membina kekuatan akademik. Dan kekuatan akademik ialah segala-galanya bagi KUKUM.

Sejak tahun 2003, kita telah merangkakan struktur penawaran geran-geran penyelidikan di KUKUM. Kini kita mempunyai tidak kurang daripada 4 skim geran penyelidikan di Universiti ini, yang pembiayaannya datang terus daripada Kerajaan melalui Skim IRPA dan Skim Geran Penyelidikan Fundamental, serta daripada KUKUM melalui Skim Geran Penyelidikan R&D KUKUM dan juga Skim Geran Penyelidikan Kluster. Sistem kluster penyelidikan yang telah saya umumkan dalam ucap-tama saya tahun lalu juga kini sedang berjalan dengan lancarnya, dan untuk itu saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Saya tahu terdapat beberapa banyak staf akademik Universiti ini yang kini mula hendak berjinak-jinak dengan budaya penyelidikan. Pihak Universiti membuka pintu yang seluas-luasnya kepada mereka untuk mencuba. Saya sebut tadi tentang adanya pelbagai skim yang boleh digunakan. Skim Geran Penyelidikan Fundamental dan Skim Geran R&D KUKUM diwujudkan khas untuk memberikan peluang kepada penyelidik muda mengasah bakat dalam aktiviti ilmiah yang amat penting ini. Jumlah siling sebanyak RM20,000 yang ditetapkan bagi projek jangka pendek di bawah kedua-dua skim ini amat mencukupi untuk memulakan perjalanan penyelidikan staf muda. Setelah mencuba, pastinya ramai yang akan faham bahawa penyelidikan sebenarnya bukanlah sesuatu yang amat sukar.



Sebaliknya, hanya dengan berbekalkan minat dan masa yang mencukupi, setiap ahli akademik berpotensi menjadi penyelidik yang berjaya.

Insyallah setelah staf benar-benar faham akan hakikat ini, mereka bolehlah pula mencuba memohon geran yang ditawarkan di bawah skim geran lain yang bersifat lebih besar dan panjang tempoh kerjanya, khususnya skim geran yang dananya datang daripada pihak luar KUKUM, seperti IRPA atau yayasan-yayasan penyelidikan antarabangsa. Dengan bilangan staf berpengalaman yang kita ada buat masa ini agak banyak, termasuk staf antarabangsa, maka saya kira kita tidak sepatutnya bergantung harap pada geran penyelidikan dalaman KUKUM semata-mata. Terdapat beberapa banyak peluang untuk mendapatkan geran luar. Sekiranya penyelidikan kita dibiayai badan luar, itu ialah tanda pengiktirafan kepada kita. Itulah tandanya pihak luar percaya bahawa dapatan penyelidikan kita bermanfaat kepada mereka, dan penyelidik kita berpotensi memberikan sumbangan kepada pelebaran sempadan ilmiah yang hanya dapat dicapai melalui penyelidikan. Selain itu, dengan pembiayaan daripada luar, dapatlah dana penyelidikan dalaman yang tidak terpakai itu disalurkan kepada staf muda yang baru hendak memulakan kerjaya penyelidikan mereka.


Justeru, saudara-saudara sekalian, pada tahun ini saya ingin melihat semua atau hampir semua pensyarah mempunyai sekurang-kurangnya satu geran penyelidikan. Saya akan mengarahkan Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi, bersama-sama Dekan Penyelidikan & Inovasi untuk mengadakan pelbagai ceramah, perbincangan, bengkel, kelas bimbingan, dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk memastikan budaya penyelidikan benar-benar dapat diterapkan dalam kalangan staf, baik staf akademik mahupun staf bukan-akademik. Inilah antara lain inisiatif dan komitmen pihak pengurusan Universiti. Pada pihak saudara-saudara pula, khususnya pensyarah, saya berharap semuanya bersikap proaktif. Sekiranya semua terlibat dalam sekurang-kurangnya satu projek penyelidikan, dan setiap projek itu berjaya menghasilkan dua atau tiga kertas kerja ilmiah, maka bilangan penerbitan Universiti akan menjadi tinggi.

Dalam proses kita meniti usia yang terlalu muda ini, kita sebenarnya amat memerlukan kuantiti kertas penyelidikan supaya dapat menempa nama sebaik mungkin dalam dunia penyelidikan dan pendidikan. Walaupun mungkin 'jenama' jurnal atau persidangan yang menerima kertas-kertas penyelidikan kita kurang terbilang, namun usaha kita itu hendaklah dilihat berperanan sebagai medan latihan untuk mengasah bakat kita sebagai penyelidik. Setelah arif dengan selok-belok dunia penyelidikan dan penerbitan, bolehlah saudara-saudara meletakkan sasaran yang lebih tinggi lagi, sebelum memecah masuk ke arena penyelidikan dan penerbitan berstatus dunia.

Wajar saya peringatkan, terutamanya kepada penyelidik-penyelidik muda KUKUM, bahawa kejayaan mendapatkan geran bukanlah suatu ukuran kejayaan yang sebenar. Setelah mendapat geran, janganlah terlalu seronok, kerana memperoleh geran hanyalah suatu titik permulaan kembara penyelidikan saudara-saudara. Penyelidikan di KUKUM amat mementingkan aspek pemanfaatan dapatan oleh pihak tertentu, khususnya industri. Ini bermakna, penyelidikan di KUKUM seharusnya melampaui proses ilmiah biasa. Kejayaan sesuatu projek penyelidikan diukur dengan mengambil kira daripada aspek hasil penyelidikan tersebut dapat mengubah sesuatu. Dengan perkataan lain, penyelidikan di KUKUM dinilai daripada segi usaha yang ditunjukkan, dan, yang amat penting sekali, hasilnya. Alangkah baik sekiranya hasil itu, manfaatnya, melangkaui sempadan negara. Jika kejayaan penyelidikan kita menerima sorakan gemuruh, dan diraikan di peringkat antarabangsa, maka itulah tandanya penyelidik kita bukan sekadar jaguh kampung, tetapi sebaliknya, wira dunia.

Sebenarnya, saudara-saudara sekalian, ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Sebagai bukti, lihatlah kejayaan kita setakat ini. Semasa Ekspo Penyelidikan & Pembangunan IPT anjuran Kementerian Pengajian Tinggi, dan juga semasa ITEX tahun lepas, kita telah merangkul beberapa banyak pingat emas, perak dan gangsa. Syabas saya ucapkan kepada barisan penyelidik kita! Sesungguhnya, KUKUM amat berbangga dengan penyertaan dan pencapaian anda semua. Bagi yang tidak mendapat pingat kali ini, insya-Allah berkat usaha, kegigihan dan kerjasama semua pihak, saya yakin dalam tahun-tahun mendatang akan tibalah giliran saudara menerima tepukan dan sorakan pula. Kejayaan KUKUM ini menjadi bukti bahawa kita sudah berjaya merempuh sempadan negeri dan sempadan umur, dan mungkin juga telah meletakkan diri kita setanding dengan universiti-universiti lain di Malaysia yang umurnya lebih tua daripada kita. Ini ialah langkah pertama KUKUM. Ayuh, marilah kita bersama-sama menyusunkan barisan untuk mengorak langkah kedua, ketiga, dan langkah-langkah seterusnya dalam perjalanan penyelidikan kita yang jauhnya beribu-ribu batu ini.

Mari kita berfikir sejenak. Sekiranya diambil perumpamaan yang saya sebutkan tadi secara literal, iaitu perjalanan kita jauhnya beribu-ribu batu, di manakah agaknya kedudukan kita sekarang? Bagi saya, kita masih berada di sekitar garisan permulaan, tidak sampai sehasta jauhnya, sedangkan telah banyak dalam kalangan rakan-rakan kita di dunia ini sudah berada puluhan, malah ada yang ratusan kilometer di hadapan. Betapa tidak, lihatlah USM yang umurnya sudah hampir 40 tahun, dan kedudukannya pada suatu masa dahulu di tangga ke 111 antara 200 universiti terkemuka, dan kemudian terkeluar terus dari senarai 200 universiti terbaik di dunia baru-baru ini. Itu pada umur 40 tahun! Bagi KUKUM pula, umur kita setengah dekad pun belum sampai lagi.



Saya berpendapat, untuk memintas masa dan berada di barisan terkehadapan dalam kalangan universiti-universiti terkemuka dunia, kita perlu mengkaji dan benar-benar memahami rupa bentuk strategi dan aturcara yang digunakan bagi mencapai maksud ini. Dengan perkataan lain, kita perlu pandai menari mengikut rentak dan irama yang sekian lama digunakan. Sekiranya kita merasakan bahawa langkah tarian kita tampak tidak seiring dengan irama yang digunakan, atau sekiranya irama itu tetap meletakkan kita jauh di belakang walau sebanyak mana sekalipun bunga tarian yang kita lenggokkan, ini bermakna sudah tiba masanya kita mengubah irama tersebut, dan seterusnya menyusun rentak tarian kita yang tersendiri. Untuk itu, keberanian amat-amat diperlukan. Saya berharap saudara-saudara faham akan makna yang tersirat dalam kata-kata saya ini.

PEMBANGUNAN INSAN

Pada tahun lalu, beberapa banyak kursus dalaman dianjurkan oleh KUKUM, di samping menghantarkan staf berkursus di luar. Semua ini dilakukan untuk memastikan staf kita mendapat latihan lanjutan dalam bidang pekerjaan masing-masing atau memberikan pendedahan kepada staf pelbagai peringkat tentang bidang-bidang baru dalam kehidupan masing-masing. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada PKKK yang telah menganjurkan enam siri Bengkel Kemahiran Kaunseling untuk semua pensyarah dan PLV baru-baru ini, dan Unit Latihan, Jabatan Canselori yang berjaya mengendalikan beberapa kursus termasuk Kursus Induksi Umum, Kursus Induksi Khusus, Kursus Peningkatan Profesionalisme Pemandu dan Setiausaha. Semua ini menunjukkan bahawa banyak sumber Universiti disalurkan untuk meningkatkan profesionalisme staf dan mahasiswa, agar masing-masing dapat beroperasi dengan lebih berkesan lagi. Dalam konteks inilah nilai ilmu, yang menjadi satu daripada nilai teras KUKUM, memainkan peranan yang penting. Penambahan ilmu bukan menjadi tanggungjawab pensyarah sahaja. Anda keliru, jika berpersepsi begitu. Ilmu perlu dituntut oleh semua, waima anda pensyarah, pemandu, setiausaha atau sesiapa sahaja. Melalui kursus-kursus seumpama ini pensyarah diharapkan dapat berinteraksi dengan mahasiswa dengan cara yang lebih holistik, dan pemandu diharapkan dapat memberikan perkhidmatan yang bukan sekadar memandu sahaja.


Sebagai pensyarah kita perlu melayani mahasiswa sebagai insan seperti kita, yang mempunyai pelbagai kelemahan. Gunakanlah kemahiran kaunseling yang dipelajari untuk memahami masalah dan mencuba membantu mereka mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi mereka dengan memberikan pelbagai alternatif yang sewajarnya. Berhubung dan berinteraksilah dengan semua mahasiswa seperti saudara-saudara

berinteraksi dengan saya atau seolah-olah mereka itu anak saudara sendiri. Jika kursus yang saudara-saudara lalui itu tidak mencukupi, usahlah gundah-gulana. Saya telah meminta Dekan PKKK merangkakan silibus yang sewajarnya bersama-sama dengan Prof. Datuk Dr. Amir Awang supaya Kursus Kemahiran Kaunseling tahap 2 dan 3 dapat diadakan secepat mungkin agar dapat membantu saudara-saudara memahami kemahiran itu dengan lebih mendalam.

Di samping itu, para pemandu dan setiausaha yang saya kasihi sekalian, setelah menghadiri kursus yang saudara-saudara hadiri itu, tingkatkanlah kualiti kerja anda. Memandulah dengan cermat dan selamat; jagalah keadaan kenderaan universiti seperti menjaga kenderaan sendiri; bersopan-santunlah; jadikanlah bermanis muka sebagai amalan harian; tepatilah dan usahlah membuang masa; isilah masa lapang dengan kerja-kerja yang berfaedah, bacalah apa jua bahan yang dapat mendatangkan faedah sementara 'pelanggan' anda menyelesaikan urusannya; bantulah sesiapa sahaja yang menjadi 'pelanggan' anda apabila mereka memerlukan bantuan, tanpa mengira siapa mereka: profesor, kerani, tetamu, berpangkat atau tidak; orang Inggeris atau siapa jua. Asalkan mereka itu 'pelanggan' anda, berikanlah perkhidmatan yang berkualiti. Sesungguhnya perkhidmatan anda penting dan dihargai. Kepada tetamu asing kita, andalah yang menjadi duta pertama KUKUM yang bakal mencermine imej kita semua.

Harapan ini bukan hanya saya tujukan kepada saudara-saudara pemandu kita semata-mata. Semua staf, siapa jua anda, sama ada pernah menghadiri apa jua kursus atau belum berkesempatan menghadirinya, diseru mengamalkan nilai-nilai murni ini secara merata. Sewajarnya amalan yang baik menjadi budaya kita semua secara konsisten, berterusan tanpa titik noktah.

Sehubungan dengan perkara ini, saya amat bersetuju dengan Masaaki Imai, Stephen R. Covey, atau Tom Peter yang antara lain menyimpulkan pemikiran mereka dengan mengatakan bahawa kita mampu menyediakan apa jua sumber yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti produk (barangan atau perkhidmatan); kita bersedia mengadakan apa jua latihan yang diperlukan untuk menjana kecemerlangan; kita mampu menyediakan apa jua ganjaran dan penghargaan untuk menghargai hero-hero organisasi, tetapi jika sumber manusia organisasi kita, atau yang disebut oleh Y.A.B Perdana Menteri sebagai modal insan, tidak mampu berubah ke daerah yang lebih berkualiti dan cemerlang dengan menjadikan ilmu dan kualiti sebagai asas, lupakanlah semua sumber meskipun banyak dan canggih, usahlah bersusah payah berbicara tentang kualiti, dan janganlah memikirkan soal ganjaran dan penghargaan. Semua usaha itu akan menjadi sia-sia belaka.



Selain itu, suatu nilai lagi yang sewajarnya mendapat renungan warga KUKUM ialah nilai kesukarelaan. Pelaksana kerja dan tanggungjawab dengan cemerlang dan berkualiti oleh semua staf memang menjadi idaman kita. Tetapi, kita jangan lupa bahawa kita memang dibayar untuk melaksananya. Dalam erti kata lain, pelaksanaan itu adalah 'wajib'. Tetapi, apakah cara yang terbaik untuk kita menjadi staf yang lebih cemerlang dan lebih berkualiti di KUKUM? Antara indikator kecemerlangan dan keberkualitian warga KUKUM, dalam kerangka pemikiran saya ialah staf itu perlu mempunyai sifat kesukarelawan. Sifat kesukarelawan inilah, pada saya, bakal menampakkan keikhlasan seseorang, lantaran tiadanya imbuhan yang diberikan jika sesuatu kerja dan tanggungjawab dilaksana. Nilai inilah yang menjadi garis pemisah antara staf yang cemerlang dan berkualiti dengan staf yang **lebih** cemerlang dan **lebih** berkualiti.

Saya perhatikan bahawa nilai ini agak kurang mendapat perhatian kebanyakan staf KUKUM. Semasa seluruh Negeri Perlis dilanda banjir, saya dapati dalam tiga hari kita membuka bilik gerakan di Kompleks Pusat-pusat Pengajian, di Jejawi tidak banyak yang tampil menghulurkan tenaga dan titik peluh. Dari awal pagi hingga ke jam 12:00 tengah malam bilik gerakan itu dibuka, saya perhatikan sukarelawan yang sama menyumbangkan bakti. Dalam kebanyakan tanggungjawab kemasyarakatan yang perlu dilaksana dalam keadaan yang meresahkan itu, pemandu, anggota keselamatan dan segelintir staf yang sama sahaja bersedia berkongsi duka dengan rakan-rakan yang terkepung oleh banjir, keputusan air minuman dan makanan, kepenatan membersihkan rumah yang dibanjiri dan sebagainya. Saya berdoa agar staf-staf yang dimaksudkan mendapat ganjaran pahala yang besar daripada Allah. Tetapi ke manakah yang lain? Malah, kedengaran juga ke telinga saya bahawa terdapat segolongan kecil staf yang seperti 'menyelamatkan diri dan keluarga' sahaja dan dalam masa yang sama meninggalkan rakan-rakan lain, bangunan dan harta KUKUM terperangkap dalam dugaan banjir. Saya menganggap ini sebagai lambang kecil tentang sikap kesetiakawanan dalam kalangan kita.

Namun demikian, tuan-tuan yang saya hormati, saya berharap tinggi agar tuan-tuan dapat menyahut seruan KUKUM supaya menyertai Pasukan Bulan Sabit Merah Malaysia atau Pasukan Bertindak Kecemasan KUKUM supaya kita dapat menggerakkan jentera ini apabila kita terpaksa berhadapan dengan kecemasan atau mala petaka seperti yang baru kita hadapi. Ingatlah bahawa tsunami atau apa jua mala petaka jika melanda, kita tidak akan mampu menghalangnya, apatah lagi mahu melawannya sendirian. Pada ketika itulah pasukan-pasukan sukarela seumpama ini yang ditubuhkan di bawah kelolaan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan amat diperlukan. Sebelum hujan, marilah kita sediakan payung supaya kita suatu ketika kelak dapat mengelakkan diri


daripada menjadi mangsa yang pada ketika itu tiada siapa pun terlintas dalam hatinya mahu membantu, walau dengan setitik keringat secara sukarela.

PERPUSTAKAAN

Ilmu bukan hanya dapat ditimba di dalam bilik darjah melalui kursus. Ada banyak cara lagi untuk kita sampai kepada ilmu. Apa gunanya kita mempunyai perpustakaan yang mempunyai lebih 20,144 koleksi buku, 130 judul majalah, sembilan pangkalan data elektronik yang melaluinya 902 judul jurnal dapat dicapai dengan hujung jari, lebih daripada 1.6 juta disertasi digital sedia menanti, dan 2,519 unit bahan media yang terlalu jarang dikunjungi. Selain itu, dalam tahun lalu, Perpustakaan kita telah memulakan perkhidmatan TOC (Table of Contents) Alert untuk memudahkan semua staf mengetahui artikel-artikel yang terdapat dalam jurnal-jurnal terbaru yang kita langgan. Selain perkhidmatan itu, Perpustakaan, dalam tahun yang sama, memperkenalkan SCOPUS, satu lagi pangkalan data canggih yang menyebarkan maklumat tentang abstrak dan indeks. Melalui Scopus Citation Tracker, maklumat dapat diperolehi dengan cepat, mudah dan lebih komprehensif lagi. Pangkalan data ini berupaya memaparkan 14,000 judul artikel daripada 4,000 penerbit yang menghidangkan maklumat dalam pelbagai bidang profesional. Pangkalan data ini telah dinobatkan sebagai pemenang The International Information Industry Award for Best Scientific, Technical and Medical (STM) Information Product. Kecanggihannya pangkalan data ini terbukti di Korea Selatan apabila prestasi penyelidikan di 250 buah universiti di negara itu meningkat.

Jutaan ringgit telah kita belanjakan untuk mendapatkan bahan-bahan ilmu ini. Jika tidak dimanfaatkan seluruhnya, bukan hanya oleh mahasiswa, malah oleh semua staf, apalah makna semuanya ini. Buku bukan untuk para pemegang ijazah kedoktoran sahaja. Buku untuk semua. Dapatkanlah pelbagai maklumat dan timbalah pelbagai ilmu yang terkandung di dalamnya. Jika mahu mengetahui perihal kualiti, misalnya, pergilah ke rak HD pasti saudara-saudara akan menemui beberapa banyak buku tentangnya. Jika hendak memahami dan mendalami pemikiran Al-Ghazali, Tun Dr. Mahathir Mohamed, Steven R. Covey, Masaaki Imai, Yusof al-Qardhawi, Wahbah al-Zuhaili, Robert S. Kaplan dan David P. Norton, Sun Tze, Peter F. Drucker, Tom Peters, John P. Kotter (sekadar menyebut beberapa nama besar) carilah di perpustakaan kita. Pasti anda akan menemui buku-buku tulisan mereka di sana.

Perbanyakkanlah perbincangan dan wacana ilmu secara tidak formal untuk mengisi masa senggang di kafetaria atau di mana jua. Kita mempunyai beberapa banyak tenaga pakar dalam pelbagai bidang. Manfaatkanlah kehadiran mereka secukup-cukupnya.



Allah berfirman dalam surah an-Nahl, ayat 43, mafhumnya: **"Maka bertanyalah kepada para ahli pengetahuan (ahlaz-zikri), sekiranya kamu tidak mengerti."** Kita sewajarnya bersyukur dengan pemberian Tuhan yang tiada taranya ini. Bersyukurlah. Amalkanlah nilai teras universiti kita iaitu ilmu yang mengandungi maksud 'sentiasa haus akan ilmu', 'suka dan cinta kepada ilmu', 'menghormati ilmu dan orang yang berilmu', 'suka menimba ilmu', 'suka berkongsi ilmu', 'suka menyelidik', 'suka menulis tentang ilmu' dan sebagainya. Jika nilai ilmu, menuntut ilmu, menjadi orang yang berilmu, dan mengamalkan ilmu tidak menjadi budaya kita, sia-sia sahajalah istilah ilmu kita angkat menjadi nilai teras KUKUM selama ini. Allah memberikan peringatan kepada manusia yang tidak suka akan ilmu melalui firman-Nya dalam surah al-'Araf: ayat 179, mafhumnya:

"Dan sesungguhnya Kami menjadikan untuk isi neraka jahanam kebanyakan daripada jin dan manusia; mereka mempunyai qulub (hati), tetapi tidak digunakan untuk memahami (ayat-ayat Allah), dan mereka mempunyai mata, tetapi tidak digunakan untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga, tetapi tidak digunakan untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu bagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai."

Ambillah iktibar daripada makna yang terkandung dalam ayat Allah ini.

PENTADBIRAN & AKTIVITI RASMI


Selain itu, kita perlu juga, untuk memastikan KUKUM terus relevan dan dapat bersaing dengan organisasi lain yang sekatagori dengannya, melaksana penambahbaikan proses pentadbiran. Kita mahu aspek dan sistem pentadbiran kita yang belum didigitalkan, didigitalkan; rekod pelajar yang direkodkan pada awal kemasukan mereka dapat dicapai dengan mudahnya dan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh pelbagai jabatan lain yang terlibat; sistem pendaftaran subjek pelajar setiap semester disinkronkan dengan sistem kehadiran pelajar ke kuliah dan sistem perakam kehadiran ke kuliah supaya kita dapat segera mengenalpasti pelajar yang tidak hadir ke kuliah, tutorial atau makmal; dan banyak lagi yang perlu kita baiki untuk menghasilkan suatu sistem dan proses pengurusan dan pentadbiran yang berkualiti. Penambahbaikan sistem-sistem yang saya sebut ini memerlukan kita mencari, menemui, memahami dan melaksana proses kerja yang terkini dan terbaik buat masa ini. Untuk memenuhi tuntutan ini, saya menggesa agar semua warga KUKUM, dari semua peringkat, terus-terusan menambahkan ilmu, mencari maklumat, mensinergikan tenaga supaya proses kerja yang terbaik itu dapat diciptakan secepat mungkin.

Stephen R. Covey mengatakan bahawa sinergi bukan sekadar bekerja sama atau bekerja bersama-sama, tetapi orang yang bekerjasama atau bekerja bersama-sama itu hendaklah secara kreatif "*producing better solutions*" atau menghasilkan ramuan-ramuan yang mujarab untuk mengatasi pelbagai rintangan dan masalah yang menghalang sesuatu tahap kualiti, kejayaan dan kecemerlangan dicapai. Saya yakin inilah yang dimaksudkan dan diidamkan oleh Y.A.B Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi semasa berikrar memegang tampuk kepemimpinan negara kita dua tahun lebih dahulu. Oleh sebab masih banyak yang perlu dilakukan, adakah masa untuk kita beristirahat dan berpuas hati dengan apa yang telah kita lakukan selama ini? Percayalah, jika kita mahu beramal saleh, hanya perpisahan nyawa dari badan menjadi pemisah antara bekerja dan beristirahat.

Masihkah saudara-saudara ingat apakah ayat yang digantung oleh Allahyarham Tun Razak di bilik pejabatnya? Apabila delegasi dari Korea Selatan bertanyakan maksud ayat itu, Allahyarham Tun membacakan maksudnya: "**Bahawa Allah tidak akan merobah kedudukan sesuatu umat, kecuali mereka merobah nasib mereka sendiri.**" (Surah Ar-Ra'ad: ayat 11). Marilah kita bersama-sama mengukuhkan tekad dan azam untuk menghayati kecemerlangan dan membudayakan kualiti supaya kita dapat merobah cara kita bekerja menuju al-falah, seterusnya merobah KUKUM menjadi universiti yang bertaraf dunia.

Seperti yang saya jelaskan sebelum ini, dalam tahap pencapaian kita sekarang, banyak juga yang telah dapat kita laksana bersama sebagai suatu pasukan. Pencapaian kita lebih bermakna apabila DYMM Pemangku Raja Perlis berkenan berangkat hadir merasmikan Majlis Pelancaran PALAPES, PBSMM dan Pasukan Bantuan Kecemasan KUKUM yang turut dihadiri Y.A.B Menteri Besar Perlis, Y.B. Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia dan Panglima Latihan Tentera Darat Malaysia. Kita juga secara bersama berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Kluster dan Jurnal Penyelidikan & Pendidikan KUKUM yang dirasmikan oleh Y.B. Dato' Dr. Hj. Shafie Hj. Salleh, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Selain itu, pada tahun lalu kita telah meraikan 56 orang staf yang menerima pelbagai anugerah termasuk 22 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Secara keseluruhannya kita telah menganjurkan tidak kurang daripada 168 program dan aktiviti kecil dan besar sepanjang tahun 2005 berbanding dengan 137 aktiviti dalam tahun 2004. Syabas. Setinggi-tinggi junjungan kasih kita, khususnya untuk DYMM Tuanku Canselor yang sentiasa bersama mencemar duli untuk menjayakan pelbagai aktiviti yang kita anjurkan. Terima kasih saya ucapkan juga kepada Y.A.B. Menteri Besar Negeri Perlis



Indera Kayangan, Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, dan siapa jua yang pernah menaburkan jasa membantu kami melayarkan bahtera yang dinamai KUKUM ini. Dengan kesempatan ini juga saya kira tidak adil jika saya tidak mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih kepada kita semua kerana memastikan bahtera tanggungjawab kita ini terus meluncur gagah menongkah gelombang dunia pentadbiran pendidikan negara.

PEMBANGUNAN KAMPUS

Saudara-saudara sekalian,

Pembangunan kampus KUKUM terus-menerus rancak berkembang. Kita telah mendapatkan beberapa lokasi baru, dan memperbaiki bangunan-bangunan yang sedia ada. Antaranya ialah Dewan Kapitol yang menjadi medan kita berkumpul hari ini. Sudah belasan, malah mungkin puluhan tahun lalu tempat ini menjadi tumpuan ramai. Peredaran zaman mengakibatkan dewan ini akhirnya ditinggalkan begitu sahaja. Kedatangan KUKUM memberikan sinar baru kepada bangunan ini. Selain daripada wajahnya yang diperbaiki, fungsinya juga diubahkan. Suatu masa dahulu, dewan ini merupakan panggung wayang yang menjadi tempat warga tempatan mendapat sedikit hiburan. Kini, dewan ini menjadi dewan yang di dalamnya majlis-majlis ilmu dan hiburan yang bermesej dianjurkan.

Selain daripada Dewan Kapitol, KUKUM juga sudah mengambil alih tapak kilang Dragon & Phoenix yang berdekatan dengan Taman Muhibbah. Ruang luas yang diperolehi di sana tidak syak lagi akan menyelesaikan masalah kekurangan ruang yang sering kita hadapi sejak empat tahun yang lalu. Kita akan menempatkan beberapa banyak makmal, dewan dan bilik kuliah di sana. Jika ada universiti yang menamai dirinya 'universiti dalam taman', KUKUM dengan bangganya memanggil dirinya, 'universiti dalam kilang'. Namun begitu, ini tidak bermakna kita tiada taman. Konsep Kampus Alam KUKUM akan memastikan Universiti ini dibina dengan ciri-ciri yang melampaui sifat taman dan kilangnya supaya dapat mencakupi pelbagai aspek yang dapat mengekalkan keseimbangan kehidupan, persekitaran akademik dan penyelidikan yang serba kondusif.

Selain Dewan Kapitol dan Dragon & Phoenix, banyak lagi bangunan yang diambil alih dan diperbaiki oleh KUKUM pada tahun lepas, termasuk beberapa bangunan lagi di Taman Muhibbah, Taman Semarak, Taman Aman, Pengkalan Assam, dan beberapa lokasi lagi di Negeri Perlis. Keunikan KUKUM terus terserlah dengan pengambilan ruang


pejabat berprestij di pusat bandar raya Kuala Lumpur. Kita kini sudah mempunyai pejabat kota yang dinamai Anjung KUKUM yang terletak berhampiran dengan Menara Berkembar Kuala Lumpur. Anjung KUKUM, yang dirasmikan tahun lepas, kini menjadi sebutan banyak pihak yang terpujau dengan keberanian dan pandangan jauh Universiti ini untuk mengadakan *offshore office* di ibu negara. Walaupun pelaburan untuk mengadakan Anjung KUKUM agak tinggi, kurang daripada setahun dari tarikh perasmian, saya sudah melihat pulangan yang lumayan dalam bentuk penjimatan masa, tenaga dan wang ringgit. Pelbagai aktiviti bersifat ilmiah dan kemasyarakatan sudah diadakan di pejabat ini. Sambutan daripada warga kota dan warga-warga dari kawasan tengah serta selatan Semenanjung Malaysia, berdasarkan jumlah kehadiran mereka di Anjung, amat menggalakkan. Saya yakin KUKUM kini akan lebih dikenali dan ternama. Inilah hasil penat jerih staf Anjung, dan juga staf yang menganggotai sayap promosi di Perlis. Semuanya telah bekerja keras, dan untuk itu, terima kasih saya ucapkan.

Dengan terbukanya tabir 2006, kita berbesar hati memulakan pembinaan kampus tetap KUKUM di Ulu Pauh. Peruntukan RMK-9 akan bermula tahun ini, dan saya menjangkakan kerja yang amat rancak akan dapat kita lihat tidak lama lagi. Segala persediaan sudahpun dilakukan, dan dengan tibanya peruntukan RMK-9, KUKUM insya-Allah akan terus berkembang dalam erti kata yang sebenarnya. Di sini, saya mengucapkan terima kasih kepada pasukan kerja dari Jabatan Pembangunan yang telah menjalankan beberapa banyak tugas dengan jayanya sehingga infrastruktur fizikal KUKUM dapat berdiri dengan megahnya pada hari ini. Dengan pembinaan kampus tetap kita, staf Jabatan Pembangunan pasti akan lebih sibuk lagi, dan untuk itu saya berharap agar usaha yang ditunjukkan sebelum ini dapat dilipatgandakan.

PENUTUP

Saudara-saudara se-KUKUM sekalian, dalam jangka masa sejam dua ini telah banyak saya perkatakan tentang diri kita, tentang nilai-nilai murni dan mulia dan tentang KUKUM yang menyediakan rezeki untuk kita sekeluarga. Saya akan menjadi insan yang sangat bahagia seandainya masa yang kita lalui di sini, untuk mendengar ucap-tama ini, dapat menjadikan kita semua warga KUKUM yang lebih komited dengan nilai, kualiti dan kecemerlangan dalam proses kita membangunkan gedung ilmu yang mulia ini. Saya benar-benar berharap agar selepas ini kita akan mula menghayati kecemerlangan dengan membudayakan kualiti.

Sebelum saya mengundurkan diri, dalam kesempatan yang ringkas ini, marilah kita bersama mengucapkan sekali lagi ucapan takziah kepada Ustaz Hassan Hj. Arshad



Penyelaras Unit Agama Islam, dan keluarga beliau kerana pemergian Allahyarhamah Ustazah Profesor Madya Dr. Zaleha Muhamat yang pulang kerahmatullah tahun lalu. Sesungguhnya jasa Allahyarham Dr. Zaleha tidak terkira banyaknya dalam proses membina dan membangunkan KUKUM, khususnya semasa beliau berkhidmat sebagai Pengetua Kolej Kediaman dan pensyarah di PKKK. Marilah kita bersama-sama memberikan sedekah fatihah kepada roh Allahyarham dengan harapan bacaan fatihah kita dapat memudahkan lagi perjalanan Allahyarham menemui Yang Maha Berkuasa. Al-Fatihah.

Semoga Allah sentiasa bersama kita, dan terus-terusan memberi kita kesihatan jasmani, kebersihan rohani, kekentalan semangat dan emosi dan kekuatan akal fikiran yang seimbang supaya kita dapat melaksana tugas dan tanggungjawab secara berkualiti demi kecemerlangan KUKUM. Dengan rasa insaf dan bersyukur yang tertancap kukuh dalam diri, saya sudah ucap tama ini dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan anggota jawatankuasa penganjur. Insya-Allah berjumpa lagi pada tahun hadapan.

Kuolah kata, serlahan budi

Menghargai kenangan, menyusunkan strategi

Bangunlah semua, bersatu hati

Menghayati kecemerlangan, membudayakan kualiti

Terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamua'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekalung Penghargaan

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia
merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada
semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung
dalam menjayakan

UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR 2006

Terima Kasih

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA

Mendokong cita-cita hendak
mencapai perpaduan yang lebih erat
di kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik,
mencipta satu masyarakat yang adil di mana
kemakmuran negara akan dapat dinikmati
bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi, kebudayaan yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan
menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan
atas prinsip-prinsip yang berikut:-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

ILMU • KEIKHLASAN • KECEMERLANGAN



www.kukum.edu.my

